

Mesyuarat seragamkan undang-undang syariah 18 Feb.

UM 25 JAN 2003

KUALA LUMPUR 24 Jan. — Satu mesyuarat mengenai isu penyeragaman undang-undang syariah akan diadakan pada 18 Februari ini, kata Menteri Wanita dan Pembangunan Keluarga, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil.

Menurutnya, mesyuarat itu akan diadakan dipengerusikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Rais Yatim.

Shahrizat berkata, antara mereka yang akan menghadiri mesyuarat itu Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin, Peguam Negara, Datuk Abdul Ghani Patail, Ketua Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Datuk Sheikh Ghazali Abdul Rahman dan beliau sendiri.

“Antara perkara yang akan kita bin-

cangkan termasuk meneliti serta memperhalusi isu penyeragaman undang-undang syariah seperti yang dicadangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad baru-baru ini. Selain itu kita akan bincang dan mengemaskinikan beberapa isu berbangkit.

“Untuk tujuan itu kita akan menggunakan format Undang-Undang Syariah Wilayah Persekutuan sebagai satu draf,” katanya kepada pemberita selepas melancarkan The Sutera Harbour Lifestyle Gallery di Bangsar, di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri yang mahukan kerajaan negeri-negeriewartakan undang-undang keluarga Islam secepat mungkin

bagi menyelesaikan ketidakseragaman perundangan Islam termasuk yang menyetuh soal poligami.

Menjawab satu pertanyaan Shahrizat berkata, Abdul Hamid telah memberi jaminan bahawa isu pewartaan tersebut dapat diselesaikan dalam tempoh tiga bulan bagi membolehkan ia diterima pakai di semua negeri.

Shahrizat berkata, dalam hubungan ini kementerianannya berperanan memantau dan mengawasi pewartaan tersebut.

Beliau yakin dengan penyeragaman tersebut ia akan membantu mengurangkan kes-kes mengenai keluarga Islam termasuk isu poligami, perceraian, hak penjagaan anak dan sebagainya.